

30 OCT 1997

Malaysia-Slovenia

MAS AKAN MULAKAN PERKHIDMATAN KE SLOVENIA

Oleh: Zainoor Sulaiman

LJUBLJANA, 30 Okt (Bernama) -- Penerbangan Malaysia bercadang memperluaskan perkhidmatannya ke Slovenia bagi meningkatkan kerjasama perdagangan dan ekonomi antara Malaysia dan negara Balkan ini, kata pengerusi eksekutif MAS Tan Sri Tajudin Ramli hari ini.

MAS akan menghantar satu pasukan ke sini bulan depan untuk berbincang dengan para pegawai kerajaan, syarikat penerbangan Slovenia Adria Airways, pengusaha hotel dan pelancongan untuk menggariskan butiran memulakan penerbangan MAS ke ibukota Slovenia, katanya kepada Bernama.

"Kami sedang mengkaji kemungkinan melanjutkan perkhidmatan terus kami sekarang ke Ljubljana sama ada dari Vienna (Austria) atau Zagreb (Croatia)," katanya.

Tajudin berkata pengenalan penerbangan MAS ke sini juga selaras dengan perjanjian Perkhidmatan Udara yang ditandatangani di sini antara Malaysia dan Slovenia semasa lawatan rasmi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang baru berakhir.

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik mendatangi perjanjian itu bagi pihak Malaysia sementara Slovene Anton Berganer mewakili negaranya.

Ling memberitahu Bernama bahawa kerajaan tidak memberikan sebarang tempoh kepada MAS untuk memperluaskan perkhidmatannya ke ibukota Slovenia.

Katanya MAS perlu mengadakan kajian kesesuaian sebelum ia boleh terbang ke sini. Buat permulaan syarikat penerbangan itu boleh menjual tiket-tiket di sini dan mengadakan perjanjian perkongsian dengan Adria Airways yang akan menerbangkan penumpang-penumpang MAS ke lapangan terbang terdekat seperti Vienna, Zagreb atau Zurich.

Tajudin berkata beliau telah mengadakan rundingan awal dengan para pegawai Adria Airways serta pihak berkuasa lapangan terbang dan berpuashati bahawa syarikat itu dan lapangan terbang Ljubljana di Brnik mempunyai kapasiti dan keupayaan untuk mengedalikan penerbangan MAS termasuk perkhidmatan sewa khas.

Katanya beliau juga mengambil berat mengenai beberapa perkhidmatan sokongan seperti penginapan hotel dan perkhidmatan pelancongan.

Buat masa ini terdapat hanya kira-kira 2,000 bilik hotel di Ljubljana, kira-kira satu pertiga daripada jumlah bilik yang terdapat di Langkawi, katanya dan ini tentunya tidak mencukupi.

Tajudin yang mengetuai 28 anggota rombongan ahli perniagaan Malaysia yang mengiringi Dr Mahathir semasa lawatan rasminya ke sini berkata sektor swasta berminat untuk melabur dalam projek-projek berkaitan pelancongan termasuk pembinaan hotel-hotel dan resort.

Ini akan membantu meningkatkan industri pelancongan di negara ini, katanya.

Ahli perniagaan Malaysia juga bersedia menyertai sektor lain seperti perbankan dan kewangan, telekomunikasi, pengangkutan dan pergudangan.

Katanya Sapura sedang berunding untuk mengambil bahagian dalam industri telekomunikasi di Slovenia.

Sambil berkata ahli perniagaan Slovenia serius untuk menggalakkan perdagangan dan pelaburan dengan Malaysia, beliau menggesa ahli-ahli perniagaan Malaysia untuk memberikan tumpuan khusus mencadangkan sebarang usahasama dengan rakan-rakan Slovenia mereka.

Tajudin berkata ahli-ahli perniagaan Malaysia harus mengambil manfaat daripada kedudukan strategik negara Adriatik ini sebagai pintu masuk bagi

eksport barangan buatan Malaysia ke Eropah tengah dan timur.

Adalah dilihat bahawa Slovenia juga akan menjadi negara pertama menyertai Kesatuan Eropah dan kemasukannya memberikan peluang bagi Malaysia menyalurkan eksportnya ke seluruh Eropah melalui Slovenia.

Tajudin yang juga presiden Dewan Perniagaan dan Perindustrian Malaysia berkata beliau tertarik dengan kejayaan para usahawan Slovenia.

Katanya walaupun Slovenia memperkenalkan pasaran ekonomi hanya kira-kira enam tahun lalu selepas bertahun-tahun melalui sistem sosial di bawah bekas persekutuan Yugoslavia, ia amat berjaya dalam menggalakkan pertumbuhan di kalangan para pengusaha tempatan.

Katanya beliau akan mencadangkan kepada Kementerian Pembangunan Usahawan untuk menghantar satu pasukan ke sini bagi mengkaji kejayaan Slovenia dalam membangunkan para usahawannya. -- BERNAMA

ZS RON